

SPMU 2020
18 Ogos 2020 (Selasa)
2.00 – 4.30 ptg

SEJARAH
KERTAS 2
DUA JAM TIGA PULUH MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B*
2. *Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan tiga soalan dalam Bahagian B.*
3. *Jawapan Bahagian A hendaklah ditulis dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.*
4. *Jawapan Bahagian B hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan.*
5. *Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas jawapan Bahagian B.*
6. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1		
	2		
	3		
	4		
B	5		
	6		
	7		
	8		
	9		
	10		
	11		
Jumlah			

Bahagian A

(40 markah)

Jawab **semua** soalan

1. Kod Undang-undang Hammurabi merupakan sumbangan tamadun Mesopotamia.

- (a) Jelaskan prinsip undang-undang tersebut.

.....
.....
.....

[3 markah]

- (b) Petikan berikut berkaitan dengan Undang-undang Hammurabi.

Jika seseorang lelaki dituduh atas sesuatu kesalahan dan dia melompat ke dalam sungai dan lemas, penuduhnya akan mengambil alih rumahnya. Tetapi jika sungai membuktikan bahawa tertuduh tidak bersalah, dan dia mlarikan diri tanpa kecederaan maka lelaki yang membawa tuduhan itu akan dihukum mati sementara lelaki yang dituduh itu akan mengambil rumah orang yang menuduhnya.

Sumber:<http://www.general-intelligence.com/library/hr.pdf>

Apakah yang anda faham tentang maksud petikan di atas?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(c) Beri komen anda tentang petikan di 1(b) berdasarkan prinsip Undang-undang Hammurabi.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

2. Perjanjian Hudaibiyah dimeterai pada tahun ke-6 Hijrah antara Nabi Muhammad SAW dengan pihak Quraisy Makkah.

(a) Nyatakan **dua** syarat dalam perjanjian tersebut.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan implikasi perjanjian tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Kota Makkah dibuka semula pada tahun 630 Masihi.

Mengapakah peristiwa tersebut penting dalam perjuangan Nabi Muhammad SAW ?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

3. Mulai awal abad ke-20, muncul persatuan yang membincangkan pelbagai persoalan bangsa Melayu.

(a) Senaraikan **dua** buah persatuan Melayu pada abad ke-20.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Mengapakah isu pendidikan diberi keutamaan oleh persatuan-persatuan Melayu ?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....


[4 markah]

(c) Mengapakah kebanyakan persatuan Melayu tersebut tidak menuntut kemerdekaan ?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

4. Rajah berikut adalah komponen Parlimen di Malaysia.



(a) Jelaskan tentang :

- (i) Bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong.

.....
.....
.....

[2 markah]

- (ii) Dewan Negara.

.....
.....
.....

[2 markah]

- (iii) Dewan Rakyat.

.....
.....
.....

[2 markah]

- (b) Mengapakah Parlimen penting kepada sesebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi ?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Bahagian B

(60 markah)

Jawab mana-mana tiga soalan daripada bahagian ini

5. Empayar Turki Uthmaniyyah bertahan selama 623 tahun dari tahun 1299 sehingga 1922 dan menguasai kawasan yang sangat luas di sekitar Laut Mediterranean.

Sumber:<http://www.historyextra.com-the-ottoman-empire/>

- (a) Jelaskan latar belakang pembentukan kerajaan Turki Uthmaniyyah. [4 markah]
- (b) Mengapakah kerajaan ini mampu bertahan selama 623 tahun dan mempunyai empayar yang luas? [8 markah]
- (c) Kemajuan kerajaan Islam menjadi perintis kepada kemajuan dan pemodenan Eropah.
Buktikan. [8 markah]
6. (a) Bagaimanakah aktiviti perdagangan menyumbang kepada penyebaran Islam di Asia Tenggara ? [4 markah]
- (b) Jelaskan pengaruh Islam dalam sistem politik di Asia Tenggara. [8 markah]
- (c) Pernyataan berikut berkaitan dengan sistem ekonomi Islam.

Islam mengharamkan segala bentuk mata pencarian yang tidak halal seperti perbuatan riba, berjudi, menipu, mencuri dan melakukan kerja-kerja yang mendatangkan mudarat kepada diri manusia.

Sumber:<https://www.yadim.com.my/v2/>

Huraikan kesan sekiranya perkara-perkara di atas dibenarkan dalam kehidupan manusia.

[8 markah]

7. Pernyataan berikut berkaitan dengan Revolusi Pertanian di Britain.

Revolusi Pertanian di Britain menjadi titik perubahan utama, yang membolehkan penduduk maju dan membangunkan perindustrian. Revolusi Pertanian menjadikan Britain pada masa itu pengeluar pertanian paling produktif di Eropah.

Sumber:<http://www.worldhistory2/agricultural-revolution/>

- (a) Jelaskan faktor yang mencetuskan Revolusi Pertanian di Britain. [4 markah]
- (b) Bagaimanakah Revolusi Pertanian boleh menyebabkan rakyat Britain membangunkan Perindustrian ? [8 markah]
- (c) Adakah Revolusi Pertanian dan imperialisme Barat mempunyai perkaitan ?
Beri hujah anda. [8 markah]
8. Ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka diwarisi oleh kerajaan-kerajaan Melayu yang lain.
- (a) Jelaskan warisan Kesultanan Melayu Melaka yang diamalkan di Johor, Pahang dan Perak. [4 markah]
- (b) Pada tahun 1911, Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu diluluskan.
Jelaskan kandungan undang-undang tubuh tersebut. [8 markah]
- (c) Pentadbiran di Negeri Sembilan dikatakan mirip persekutuan dan mempunyai ciri demokrasi.
Buktikan pernyataan tersebut. [8 markah]
9. Orang Melayu menentang Malayan Union tetapi menerima pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.
- (a) Mengapakah orang Melayu menentang Malayan Union? [4 markah]
- (b) Jelaskan ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang menyebabkan orang Melayu menerima dengan mudah. [8 markah]
- (c) Sejauhmanakah prinsip-prinsip yang terdapat dalam perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 kekal sehingga kini? [8 markah]

10. Maklumat berikut berkaitan dengan idea penubuhan Persekutuan Malaysia.

27 Mei 1961 – Tunku Abdul Rahman mengumumkan pembentukan Malaysia pada Persidangan Persatuan Wartawan Luar Negeri Asia Tenggara di Hotel Adelphi, Singapura yang memperlihatkan penyatuan Persekutuan Tanah Melayu bersama Sabah, Sarawak dan Singapura.

Sumber:<http://www.arkib.gov.my/web/penubuhan-malaysia>

- (a) Mengapakah penyatuan tersebut penting ? [4 markah]
- (b) Bagaimakah reaksi dalam negeri terhadap penubuhan Persekutuan Malaysia ? [8 markah]
- (c) Mengapakah pembentukan Persekutuan Malaysia berjaya dilaksanakan walaupun menerima pelbagai reaksi dari dalam dan luar negara ? [8 markah]
11. Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ditubuhkan pada 25 September 1969 (12 Rejab 1389H) bersempena Persidangan Dunia Islam pertama di Rabat, Maghribi.
- 12.

- (a) Mengapakah pertubuhan tersebut ditubuhkan? [4 markah]
- (b) Terangkan sumbangan Malaysia kepada pertubuhan tersebut. [8 markah]
- (c) Keganasan dan penindasan di negara Islam berlaku tanpa pembelaan sewajarnya.

Sumber:<https://www.sinarharian.com.my/11-Nov-2019>

Bagaimakah Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) perlu berperanan untuk menanganinya? [8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT